

APMM tahan dua kapal pindah minyak secara haram

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

KOTA TINGGI - Maritim Malaysia (APMM) Tanjung Sedili telah menahan dua buah kapal yang sedang melakukan aktiviti pemindahan minyak secara haram di perairan Pengerang petang kelmarin.

Dalam kejadian pukul 5.30 petang itu, kapal MT Santek 26 dan MT Global 1201 ditahan ketika berlabuh di kedudukan lebih kurang 3.5 batu nautika Tenggara Tanjung Penyusop.

Ketua Penguat Kuasa Daerah Maritim 7 Tanjung Sedili, Kepten Maritim Amran Daud berkata, hasil siasatan mendapati, kedua-dua kapal tersebut menjalankan aktiviti pemindahan minyak jenis sulfur.

"APMM turut menahan sejumlah 101 orang anak kapal warga Indonesia, Singapura dan Filipina berusia lingkungan 20 hingga 60 tahun dan kesemua mereka dibawa ke Ibu Pejabat APMM Tanjung Sedili.

"Hasil siasatan mendapati, mere-

ka gagal mengemukakan sebarang permit dan dokumen berkaitan pemindahan minyak terbabit," katanya ketika dihubungi semalam.

Amran berkata, kes disiasat mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Seksyen 49 1B(1)(k) kerana melakukan peminda-

han minyak tanpa kebenaran dan Seksyen 49 1B(1)(l) iaitu bersauh tanpa kebenaran tanpa memaklumkan kepada Pengarah Laut Malaysia.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, APMM turut menahan sebuah lagi kapal MT Maju 8 selepas gagal mengemukakan insurans perkapalan dalam rondaan yang dilakukan APMM pada pukul 1.15 petang semalam.

"Kapal itu ditahan ketika bersauh pada kedudukan tiga batu nautika arah selatan Tanjung Remunia manakala kesemua 10 anak kapal lingkungan 30 hingga 50 tahun turut ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.



DUA buah kapal yang melakukan kegiatan pemindahan minyak secara haram ditahan di kedudukan lebih kurang 3.5 batu nautika Tenggara Tanjung Penyusop, Kota Tinggi kelmarin.